

04/04/2000

Provokasi melampau punca isyarat lucah

Kadir Dikoh; Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, bertindak balas membuat isyarat lucah pada hari penamaan calon pilihan raya kecil Sanggang selepas provokasi melampau penyokong Pas yang menunjukkan kemaluan.

Dalam ulasan pertamanya mengenai peristiwa itu, Perdana Menteri berkata beliau percaya Pas merancang perkara itu untuk digunakan sebagai bahan kempen dalam pilihan raya kecil berkenaan.

Beliau berkata, kemungkinan ini berdasarkan pemerhatian Umno yang mendapati penyokong Pas berhimpun di kawasan penamaan calon pada hari itu dengan dilengkapi perakam suara, kamera serta kamera video.

"Sebenarnya Datuk Seri Adnan buat itu sebab pihak parti pembangkang tunjuk kemaluan mereka, ini satu perbuatan ... malangnya kita tak ada gambar nak tunjuk.

"Saya ingat dia rancang ini nak buat bagi Datuk Seri Adnan bertindak balas kerana saya diberitahu dia (penyokong Pas) tunjuk kemaluannya ... dengan ada orang perempuan tak ada malu sama sekali.

"Takkan Datuk Seri Adnan nak buat perkara itu kalau tak ada provokasi yang begitu dahsyat," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, hari ini.

Ditanya apakah episod itu sedikit sebanyak menghalang calon Umno daripada mendapat lebih banyak undi pada pilihan raya itu, Dr Mahathir berkata kemungkinan itu tetap ada.

"Saya tak tau tapi mungkin tanpa itu kita dapat sokongan yang lebih," katanya.

Perdana Menteri berkata, Pas seperti biasa cekap membuat fitnah untuk digunakan dalam kempen mereka bagi menghentam pemimpin Umno dengan menghebahkannya termasuk menerusi Internet supaya diketahui masyarakat dunia.

"Saya percaya seperti juga pada pilihan raya yang lepas dia tunjuk gambar mata lebam tu, macam saya yang buat bagi mata lebam, dengan kerana itu kita kehilangan undi.

"Kalau dengan Pas cara fitnah ini mereka cukup cekap, saya ingat tak ada parti dalam dunia yang cukup cekap dalam bidang ini. Kita tak tahu pun nak bawa kamera untuk tangkap bila dia tunjuk kemaluan dia, kalau tidak kita pun boleh tunjuk kemaluan dia," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, beliau berpuas hati dengan keputusan pilihan raya kecil itu kerana Umno berjaya memenangi kembali beberapa kawasan yang pada pilihan raya umum tahun lalu dikuasai Pas.

"Majoriti undi adalah daripada pengundi Melayu dan yang lain itu mungkin daripada pengundi Cina dan India," katanya.

Dalam pilihan raya kecil itu, calon BN, Redzwan Harun, menewaskan calon Pas, Datuk Hishamuddin Yahya, dengan majoriti lebih besar, iaitu 1,963 undi. Redzwan mendapat 6,743 undi, manakala Hishamuddin mendapat 4,780 undi.

Mengenai dakwaan Menteri Besar Terengganu, Abdul Hadi Awang, bahawa Umno menang di Sanggang kerana politik wang, Perdana Menteri berkata Pas selalunya melemparkan fitnah dan pembohongan tanpa alasan apa-apa pun.

Beliau berkata, pihak pembangkang membelanjakan wang yang banyak untuk kempen mereka termasuk membawa 30,000 penyokong ke Sanggang hampir setiap masa.

"Tentu dia belanja wang yang lebih daripada yang dibenarkan oleh undang-

undang ... saya tidak tahu sama dia hulur duit pada orang ataupun tidak ... saya tidak hendak buat tuduhan kerana saya tidak dapat maklumat yang penuh.

"Saya meminta Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu buktikan kononnya kita gunakan wang dan macam mana kita gunakan wang," katanya.

(END)